

28 APR 2002

Abdullah-Ketua

KETUA PENERANGAN UMNO DIUMUM PADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI

KUALA SELANGOR, 28 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan nama Ketua Penerangan Umno yang baru selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) tidak lama lagi.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata pengumuman itu akan dibuat selepas mesyuarat MT akan datang yang tarikhnya masih belum ditentukan.

Calon yang dipilih adalah mereka yang boleh bekerja dengan cekap, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Kuala Selangor di sini.

Ditanya sama ada Ketua Penerangan akan dilantik daripada kalangan anggota MT, beliau berkata: "Dia mesti ahli Umno...Presiden Umno (Dr Mahathir) mempunyai pilihan yang secukupnya dan pelantikan itu tidak semestinya terhad hanya kepada ahli MT sahaja."

Jawatan berkenaan kosong selepas Datuk Mustapa Mohamed meletak jawatan pada 12 April lepas bagi memberi tumpuan kepada jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Pada perkembangan lain, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata ketua penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangan mengenai laporan sebuah akhbar tabloid yang menuduhnya sebagai lesbian.

Katanya, Umno menyerahkan sepenuhnya kepada Azalina untuk mengambil tindakan berhubung dakwaan tersebut.

-- BERNAMA

RIZ AZH MOZ